

07/10/1998

Sistem ekonomi Islam tumpu kebajikan ummah

Saidon Idris

SISTEM ekonomi pasaran bebas atau sistem ekonomi kapitalis yang diagungkan oleh Barat mula terserlah kelemahannya. Sistem berkenaan ternyata gagal membawa kebaikan kepada umat manusia sejagat.

Sistem yang menekankan kepada hak kebebasan individu dan didakwa pendukungnya sebagai sistem yang terbaik dan paling ideal itu sebaliknya menjuruskan ekonomi dunia kepada keruntuhan.

Ini terbukti daripada kegawatan ekonomi yang sedang dihadapi. Kerana terlalu mengagungkan kebebasan dan hak individu untuk mengumpul kekayaan tanpa sekatan, sistem ekonomi kapitalis itu sudah digunakan sepenuhnya oleh pelabur yang tamak untuk mengaut keuntungan, tanpa mempedulikan tindakan mereka itu memusnahkan orang lain.

Apabila ekonomi negara Asia dilanda kegawatan akibat kejatuhan teruk nilai mata wang mereka, reaksi segera pendukung sistem ekonomi itu, ialah ia adalah atas kehendak pasaran.

Menurut mereka, ia berlaku kerana kelemahan negara di rantau ini menguruskan ekonomi masing-masing.

Kritikan awal mengenai fungsi spekulator dalam menjatuhkan nilai mata wang negara di rantau ini terutama oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ditolak mentah-mentah.

"Ia adalah tindak balas pasaran kerana keadaan ekonomi negara Asia yang sudah menjadi terlalu berbahang," kata mereka menyokong sistem berkenaan.

Tetapi keadaan kini sudah berubah. Pendapat Dr Mahathir itu, yang dulu ditentang dan dianggap oleh sesetengah pihak sebagai alasan menutup kelemahan, mula mendapat perhatian.

Terima kasih kepada Hong Kong, sebuah daripada negara pendukung utama sistem ekonomi kapitalis ini.

Hong Kong yang sememangnya dikenali sebagai salah sebuah negara yang sentiasa berpegang kepada sistem pasaran bebas terpaksa akur akan kelemahan sistem yang didukungnya apabila mata wangnya turut diserang oleh spekulator kapitalis itu.

Bagi mempertahankan mata wang dan pasaran sahamnya, kerajaan negara itu telah bertindak campur tangan di dalam pasaran kewangan serta pasaran sahamnya, iaitu sesuatu yang sama sekali bertentangan dengan prinsip pasaran bebas.

Sejak tindakan Hong Kong itu, sistem kapitalis mula dikritik, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Sejak itu masyarakat dunia mula melaungkan perlunya diadakan reformasi dalam sistem ekonomi dunia terutama yang membabitkan soal kewangan.

Mereka yang dulunya begitu taksud kepada kebebasan mula sedar betapa perlu diwujudkan suatu bentuk peraturan bagi mengawal kebebasan urus niaga terutama dalam urus niaga mata wang dan pengaliran keluar masuk modal jangka pendek ke sebuah negara.

Malah perkara ini menjadi topik perbincangan utama Mesyuarat Menteri Komanwel di Kanada minggu lalu dan juga mesyuarat tahunan bersama di antara Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia di Washington minggu ini.

Bagaimanapun, yang menjadi persoalannya kini apakah bentuk peraturan yang akan diwujudkan. Ini kerana kebimbangan mula terserlah terutama negara membangun bahawa peraturan yang bakal diwujudkan itu, sebagaimana biasanya akan memihak kepada kepentingan negara maju yang menjadi penaung utama kapitalis.

Dalam hal ini, kenyataan Timbalan Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki ketika mengunjungi negara ini baru-baru ini mungkin boleh dijadikan renungan.

"Jawapan kepada penyelesaian masalah ekonomi yang dihadapi dunia ini mungkin sudah ada di negara membangun," katanya berucap pada satu jamuan tengah hari yang dianjurkan untuknya.

Kenyataan Mbeki itu jika dihalusi sememangnya mempunyai kebenaran. Kebanyakan negara membangun adalah negara Islam dan di dalam Islam itu sudah digariskan suatu sistem ekonomi yang cukup meluas.

"Walaupun Islam tidak menggariskan secara terperinci setiap kegiatan ekonomi, tetapi semua prinsip asasnya sudah ada," kata Presiden, Universiti Tun Abdul Razak (Unitar) Datuk Syed Othman Al-Habshi.

"Sebagai agama sepanjang zaman, sistem ekonomi yang digariskan di dalam Islam adalah dinamik," tambah bekas Timbalan Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) itu.

Perbezaan yang nyata di antara sistem ekonomi Islam dan kapitalis ialah, dari segi nilai dan objektif utamanya ialah keadilan sosioekonomi.

Tonggak utamanya pula ialah amanah kerana setiap individu Islam itu sentiasa percaya bahawa dia adalah pemegang amanah, dan bagi menjaga amanah itu, semua kekayaan, kuasa, pangkat, ilmu dan kecekapan perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk kepentingan ummah kerana ia akan ditentukan di akhirat.

"Oleh itu, di dalam sistem ekonomi Islam objektif utama bukanlah semata-mata untuk memaksimumkan kekayaan tetapi termasuk keperluan rohaniah."

"Sehubungan itu sumber ekonomi yang terhad akan digunakan sepenuhnya bagi mengangkat martabat ummah bukan saja dari segi kekayaan tetapi juga dari segi moral dan kehidupan," kata Pengarah Urusan, Perdana Technology Venture Sdn Bhd, Dr Barjoyai Bardai.

Ini bertentangan sama sekali dengan objektif sistem ekonomi kapitalis yang bermatlamat keuntungan. Dalam hal ini sistem ekonomi kapitalis sentiasa berpegang kepada kebebasan individu untuk bertindak dalam ekonomi bagi menggunakan sepenuhnya sumber yang terhad bagi memaksimumkan kekayaan.

Walaupun sistem ekonomi kapitalis juga turut percaya kepada konsep kebajikan, tetapi ia sentiasa dilingkungi konflik, di antara kepentingan diri dan juga kepentingan sosial.

"Dalam banyak hal motivasi untuk menyumbang kepada masyarakat adalah sentiasa dibayangi oleh kepentingan diri, berikutan sifat semula jadi manusia yang selalu diselubungi perasaan tamak," kata Dr Barjoyai.

Tetapi dalam sistem ekonomi Islam, masalah motivasi tidak timbul. Ini kerana dalam agama Islam motivasi untuk menyumbang kepada masyarakat sememangnya tersedia melalui konsep tanggungjawab kepada Tuhan, kerana setiap individu itu percaya bahawa setiap perlakuannya, sama ada baik atau yang buruk akan diberikan balasan pahala dan dosa.

Bagaimanapun, ini bukan bermakna sistem ekonomi Islam menghalang individu itu untuk membuat keuntungan.

Malahan menurut Syed Othman, Islam, sememangnya menggalakkan umatnya mencari seberapa banyak kekayaan, kerana orang yang kaya mempunyai banyak kelebihan berbanding yang miskin, baik dalam menjalani kehidupan harian mahupun di dalam melakukan ibadah.

"Tetapi inti utamanya, ialah kegiatan ekonomi yang dijalankan hendaklah tidak bertentangan dengan hukum, dan kekayaan yang dimiliki hendaklah digunakan untuk kemakmuran ummah," tegasnya.

Kerana penumpuan sistem ekonomi Islam itu kepada kebajikan ummah dan keadilan maka dunia sebenarnya tidak perlu teraba-raba untuk mencari penyelesaian kepada masalah ekonomi yang sedang dihadapi.

Ini kerana jawapannya sudah tersedia. Apa yang perlu dilakukan kini

hanya melaksanakannya.

Contohnya dalam aktiviti pertukaran mata wang. Sistem yang diamalkan sekarang adalah jauh menyimpang daripada sistem pertukaran yang dibenarkan dalam sistem ekonomi Islam.

"Di dalam Islam mata wang mestilah mempunyai nilai mutlak," kata Dr Barjoyai.

Ini tegas beliau dilakukan dengan menyandarkan kepada sesuatu yang mempunyai nilai seperti emas dan perak.

Bagaimanapun ia tidak lagi diamalkan dan kerana itu mata wang yang sepatutnya hanya berfungsi sebagai perantara urusan niaga kini turut menjadi bahan urusan niaga.

Oleh kerana itu, Dr Barjoyai berkata, penyelesaian kepada masalah spekulasi di dalam urusan niaga mata wang, ialah dunia perlu kembali semula kepada sistem nilai mutlak itu.

Oleh kerana di bawah sistem nilai mutlak itu setiap mata wang akan mempunyai nilai yang sama (kerana bersandarkan emas), maka istilah spekulasi tidak wujud, kata Dr Barjoyai.

Bagaimanapun, dalam usaha merubah sistem ekonomi yang kini diamalkan, fungsi negara Islam adalah penting. Mereka perlu bersatu mengemukakan pendapat mereka.

Pada masa yang sama ekonomi mereka perlu dikukuhkan kerana ia akan menjadi bukti kecemerlangan sistem ekonomi Islam itu.

(END)